



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


24 JUN 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **203 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **68,232 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 220 menjadikan jumlah kumulatif 66,115 orang. Seramai 1,399 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 442 orang di hospital, 946 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam manakala 11 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 72 orang dan 20 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah direkodkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 18 daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning empat (4) daerah
- Zon Hijau dua (2) daerah

Analisa Kes COVID-19 di Sabah

- i Pada hari ini, jumlah kes positif COVID-19 di Sabah mencatatkan peningkatan 74 kes iaitu daripada 129 kes semalam (23 Jun 2021) kepada 203 kes (24 Jun 2021).
- ii Daripada 203 kes jangkitan baharu hari ini, 112 kes adalah hasil daripada saringan kontak rapat, 68 kes adalah daripada saringan kluster, 10 kes adalah daripada saringan bergejala dan 13 kes adalah daripada lain-lain kes.
- iii 13 daerah mencatatkan peningkatan kes hari ini dengan lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes pada julat satu (1) angka, manakala lima (5) lagi daerah lain mencatatkan peningkatan kes pada julat dua (2) angka iaitu Kinabatangan 29 kes (+29), Sandakan 31 kes (+27), Kalabakan 24 kes (+22), Beaufort 17 kes (+15) dan Penampang 19 kes (+13).
- iv Walau bagaimanapun, sembilan (9) daerah di Negeri Sabah mencatatkan penurunan kes. Tujuh (7) daerah mencapai penurunan kes dengan julat satu (1) angka, manakala dua (2) daerah lagi menunjukkan penurunan pada julat dua (2) angka iaitu Papar (-17) dan Kota Kinabalu (-12).
- v Pada hari ini, sembilan (9) daerah mencatatkan sifar (0) kes iaitu Beluran, Kunak, Tongod, Pitas, Kuala Penyu, Sipitang, Tenom, Nabawan dan Tambunan.
- vi Ringkasan data keseluruhan pada hari ini ialah (13) daerah mencatatkan kenaikan kes, sembilan (9) daerah mencatatkan penurunan kes, lima (5) daerah kekal sebagaimana catatan hari semalam, sembilan (9) daerah mencatatkan sifar (0) kes, dua (2) daerah (Beluran dan Tenom) sebagai Zon Hijau, dua (2) kluster baru iaitu Kluster Paris Tiga Kinabatangan dan Kluster Brumas Camp Kalabakan, dan lima (5) kluster merekodkan catatan kes yang agak aktif iaitu Kluster Paris Tiga (27 kes), Kluster Brumas Camp (11 kes), Kluster Kampung Nelayan Tengah sembilan (9) kes, Kluster Lot 9 lapan (8) kes serta Kluster Jalan Bundusan lima (5) kes.
- vii Terdapat *trend* perubahan angka jangkitan baharu harian yang tidak statik serta jumlah catatan sebanyak 112 kes daripada Saringan Kontak Rapat, maka dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

viii Orang ramai digesa untuk kekal berada di rumah dan bagi mereka yang bekerja, hadkan pergerakan kerana kebergantungan penurunan kes atau jangkitan baharu adalah sangat dipengaruhi oleh sejauh mana komuniti mematuhi SOP Kendiri dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

6 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Paris Tiga - Kinabatangan** melibatkan penularan jangkitan di tempat kerja iaitu sebuah Kilang Sawit Bell, Kinabatangan. Kes indeks merupakan kerani wanita, 41, yang bergejala sejak 07 Jun 2021 telah dimasukkan ke Hospital Lahad Datu pada 14 Jun 2021, sebelum disahkan positif COVID-19 melalui ujian saringan RT-PCR pada 18 Jun 2021. Susulan kes itu, saringan kontak rapat mengesan 28 lagi kes positif dalam kalangan penduduk perumahan kilang terbabit, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 29 kes. Semua kes positif telah menjalani penilaian dan pemeriksaan di Hospital Kinabatangan dan seterusnya dikuarantin di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Risiko Rendah Kinabatangan. Setakat hari ini, aktiviti siasatan, persampelan COVID-19 dan disinfeksi masih diteruskan di lapangan untuk menilai sebarang jangkitan dan risiko kemungkinan jangkitan lebih meluas kepada pekerja kilang dan ladang yang lain.

- ii **Kluster Brumas Camp - Kalabakan** adalah kluster baharu di Mukim Brumas, Daerah Kalabakan melibatkan penularan jangkitan dalam komuniti dan tempat kerja. Kes indeks adalah guru lelaki di SK Brumas, 50, yang juga AJK Masjid Al-Ubudiyah di Perumahan Brumas Camp dalam Ladang Perkayuan Sabah Softwood. Kes indeks disahkan positif COVID-19 di Klinik Kesihatan Tawau pada 12 Jun 2021. Sehingga 22 Jun 2021, saringan yang dijalankan terhadap 75 kontak kemudian mengesan 19 lagi kes positif dalam kalangan kontak rapat, rakan sekerja dan AJK masjid yang tinggal di perumahan tersebut. Turut disahkan, isteri serta dua anak kepada kes indeks yang salah seorang bekerja di Ladang Perkayuan Brumas Camp Softwood. Siasatan lanjut untuk pengesanan kontak serta mengenal pasti punca jangkitan masih giat dijalankan.

7 Jumlah kapasiti katil 4,192 unit

- Hospital 706 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,066 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 33.37%.

B PKPD KAMPUNG MUHIBBAH, MENGGATAL, KOTA KINABALU

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu.

2 KKM mendapati berlaku peningkatan kes dalam tempoh singkat apabila 12 individu dikesan positif COVID-19 setelah KKM melaksanakan ujian saringan ke atas 18 penduduk di lokaliti tersebut.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Muhibbah, Menggatal, Kota Kinabalu berkuat kuasa 26 Jun sehingga 09 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini bertujuan untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

C PKPD PENJARA TAWAU DAN KUARTERS PENJARA TAMAN EHSAN, TAWAU

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau.

2 Sehingga kini, sebanyak 14 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 66 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 21.21%.

3 Pada masa sama, KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Penjara Tawau dan Kuarters Penjara Taman Ehsan, Tawau berkuat kuasa 26 Jun sehingga 09 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

D PKPD KAMPUNG KUALA MEROTAI, KALABAKAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Kuala Merotai, Kalabakan.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 26 ujian saringan dan 13 daripadanya disahkan positif COVID-19 dengan kadar positifiti 50.00%.
- 3 KKM juga mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kuala Merotai, Kalabakan berkuat kuasa 26 Jun sehingga 09 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

E PKPD KAMPUNG TAHAK, MEMBAKUT, BEAUFORT

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Tahak, Membakut, Beaufort.
- 2 Sehingga kini, sebanyak 11 kes positif COVID-19 telah direkodkan hasil daripada 98 ujian saringan yang telah dilakukan oleh KKM dengan kadar positifiti 11.22%.

- 3 KKM mendapati kes telah meningkat dalam tempoh singkat dengan kadar kebolejangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Tahak, Membakut, Beaufort, Sabah berkuat kuasa 26 Jun sehingga 09 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini untuk menyekat pergerakan dan penularan jangkitan dari kawasan berisiko keluar dari lokaliti tersebut.

F PKPD FLAT INDAH JAYA, SANDAKAN

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Flat Indah Jaya, Sandakan.
- 2 Sehingga kini, KKM telah melakukan 252 ujian saringan dan 11 daripadanya disahkan positif COVID-19.
- 3 KKM juga mendapati kes telah menular dan kadar kebolejangkitan yang tinggi di lokaliti tersebut.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Flat Indah Jaya, Sandakan berkuat kuasa 26 Jun sehingga 09 Julai 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD bertujuan untuk memastikan penduduk yang berisiko dijangkiti COVID-19 kekal berada dalam kawasan.

G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **33** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **62,994** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 pula, **270** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **53,882** orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **8,167** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **289,086** orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2, **5,444** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **81,863** orang.
- 5 Pendaftaran penerima vaksin pada hari ini ialah 11,074 menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar sebanyak 842,471 (mysejahtera 770,463 : laman web 71,745 : talian vaksinasi 263) bersamaan 29.5%.

H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **102,835** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 147 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 74,114 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 475 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 104 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 31 orang : Tidak Memakai Pelitup Muka/Tidak Memakai Pelitup Separuh Muka Dengan Betul.
 - Lima (5) orang : Aktiviti Terlarang

- 25 orang : Keluar Rumah Tanpa Alasan Munasabah
- 24 orang : Membawa Penumpang Berlebihan
- 11 orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- Enam (6) orang : Individu Gagal Menjaga Penjarakan Sosial
- Dua (2) Orang : Gagal Menyediakan Peralatan/Merekod Butiran Diri Pelanggan

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 115 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 25 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, empat (4) tangkapan dibuat iaitu satu (1) tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002, dua (2) tangkapan di bawah Akta Perikanan 1985, dan satu (1) lagi tangkapan di bawah Akta Kastam 1967.

4 Laporan Kompaun Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 1,569 premis perniagaan dan penjaja telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
- ii Satu (1) kompaun dikeluarkan atas kesalahan individu gagal mendaftar masuk ke premis sama ada menggunakan aplikasi MySejahtera atau buku pendaftaran. Kompaun dikeluarkan di daerah Beaufort.
- iii Sebanyak satu (1) Notis dikeluarkan di daerah Sandakan.
- iv Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan penguatkuasaan pematuhan SOP ke atas 98 premis perniagaan dan 129 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis. Seramai 40 anggota terlibat tugas khas mengetuk setiap rumah di PKPD Kg Likas dan kumpulkan penduduk untuk buat saringan COVID-19.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 279 Premis Perniagaan melibatkan 177 anggota APM. Sebanyak 58 Notis Amaran dikeluarkan yang dikeluarkan kepada Premis perniagaan yang tidak mengikut SOP

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 73 anggota di 96 lokasi.

- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 15 premis, melibatkan sembilan (9) buah daerah pada hari ini.
- 8 Sejumlah 358 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 16 daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 192 hebahan di seluruh Sabah.

J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP 3.0 pada hari ini ialah **94.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Kinabalu	95%
2	Keningau	95%
3	Kunak	95%
4	Beluran	95%
5	Sipitang	95%
6	Kota Marudu	95%
7	Tenom	94.5%
8	Kudat	94.5%
9	Kinabatangan	94.5%
10	Ranau	94.5%
11	Kota Belud	94.5%
12	Penampang	94.5%
13	Sandakan	94.5%
14	Tawau	94%
15	Semporna	94%
16	Beaufort	94%
17	Papar	94%
18	Lahad Datu	94%
19	Tuaran	94%

- 2 Pelan Pemulihan Negara merupakan panduan bagi setiap rakyat untuk bersama berusaha keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#MenangBersama

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**